



PERTUBUHAN TULIR MALAYSIA

KATA MAJMUK

(KATA MAJMUK YANG MENDUKUNG MAKSUD KIASAN)

Jiran Yang Baik Hati

Seekor burung yang bernama Tempua tinggal di hutan. Tempua hidup aman harmoni bersama-sama haiwan yang lain.

Pada suatu hari, Tempua jatuh sakit. Jiran-jiran Tempua datang melawatnya. Mereka amat prihatin dan Mereka membawa untuk Tempua.



Lengkapkan cerita.

murah hati

ambil berat

besar hati

buah tangan

Zhi Ying dan Anand melawat jiran mereka, Sandra. Sandra tidak pergi ke sekolah kerana kakinya cedera.

Sandra, saya
membawa _____
untuk kamu.

Terima kasih, Zhi Ying.
Kamu memang _____.

Terima kasih
kerana _____
tentang pelajaran
saya.

Sandra, ini
tugasan kamu.
Kamu perlu
siapkan latihan
Bahasa Melayu.



Sandra berasa _____ kerana mempunyai jiran seperti Zhi Ying dan Anand.

Pak Cik Teoh membawa Guan Hong dan Ben Li ke kolam ikannya. Guan Hong dan Ben Li sangat **suka hati**.

Kolam ikan pak cik mereka sangat besar. Pekerja-pekerjanya **ringan tulang**. Mereka bekerja seperti **lipas kudung**.

Pak Cik Teoh: Guan Hong, bawa balik ikan ini. Kita minta nenek masak untuk makan tengah hari.

Guan Hong: Baik, pak cik.

Guan Hong dan Ben Li ingin mengikut **jejak langkah** pak cik mereka suatu hari nanti.

suka hati

ringan tulang

lipas kudung

jejak langkah